

24 FEB 2003

NAM-Afrika/I

ANCAMAN KESELAMATAN GLOBAL ANTARA CABARAN DIHADAPI NAM, KATA NUJOMA

KUALA LUMPUR, 24 Feb (Bernama) -- Perubahan dalam trend dasar luar ke arah kecenderungan bertindak terlebih dahulu dan unilaterisme yang sedang diburu kuasa-kuasa tertentu menuntut Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) memperkukuhkan kedaulatan antarabangsa mereka, kata Presiden Namibia Dr Sam Nujoma hari ini.

Beliau berkata trend berkenaan telah membayangi keamanan dan keselamatan antarabangsa.

"Mengendalikan pelbagai kesulitan itu memerlukan kita menentukan keutamaan kita dan menggariskan agenda antarabangsa," katanya pada perasmian Sidang Kemuncak Ke-13 NAM oleh pengerusi NAM yang akan melepaskan jawatannya itu Thabo Mbeki.

Mewakili rantau Afrika, Nujoma berkata satu lagi cabaran yang dihadapi NAM ialah ketidaksamarataan dalam sistem perdagangan antarabangsa, seperti subsidi pertanian oleh kebanyakan negara maju yang telah mengganggu perdagangan kerana subsidi itu terus menjejaskan produktiviti para petani.

Beliau berkata Malaysia akan mengambil alih jawatan pengerusi NAM daripada Afrika Selatan bagi tiga tahun akan datang ketika perpaduan pergerakan itu diuji ekoran keadaan begitu mencabar di peringkat antarabangsa.

"Ketika kita berazam untuk meneruskan penyuburan semula pergerakan kita, kita perlu mengambil perhatian sepenuhnya akan betapa rumitnya hakikat sebenar pada hari ini," katanya.

Dr San Nujomaroute? route? mengingatkan negara-negara anggota bahawa apa yang akan memperkukuhkan dan meningkatkan kerelevanan NAM ialah pelaksanaan sepenuhnya keputusan yang dibuat oleh NAM, dengan mengambil kira perubahan-perubahan dalam arena antarabangsa.

Mengenai kemasukan Timor Leste dan Saint Vincent and the Grenadines ke dalam NAM, menjadikan jumlah keanggotaannya kepada 116 negara, beliau berkata kedua-dua negara bukan sahaja akan memperkukuhkan pergerakan itu tetapi juga membuktikan NAM semakin penting dalam sistem antarabangsa.

Sambil mengalu-alukan kemasukan kedua-dua negara itu dalam pergerakan itu beliau berkata : "Pertambahan jumlah anggota itu akan mengukuhkan serta menambah nilai objektif kita dalam proses membuat keputusan dalam forum-forum utama antarabangsa seperti Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan terutamanya Majlis Keselamatannya."

Ketika mengalu-alukan Malaysia selaku pengerusi NAM, Dr San Nujoma berkata negara itu telah menyatakan dengan jelas kepada negara-negara anggota akan wawasannya bagi masa depan dalam mencapai sasaran bersama NAM.

Beliau memberikan jaminan kepada pengerusi baru NAM Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa negara-negara Afrika, melalui Kesatuan Afrika, sudah bersedia untuk meningkatkan keberkesanan NAM dan menghadapi cabaran globalisasi dan mengalakkan keamanan dan keselamatan dunia.

-- BERNAMA

MNY MFJ RHM